

# Tiga naib presiden sifatkan

BH 13 JUL 2000

KUALA LUMPUR, Rabu - Pemimpin Umno menyifatkan cadangan Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz memansuhkan jawatan naib presiden sebagai pandangan peribadi dan tidak seharusnya dibincangkan secara terbuka.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, berkata cadangan itu seharusnya dibentangkan dalam Perhimpunan Agung parti lalu dan bukan menerusi media massa.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut.

Sementara itu, seorang

lagi Naib Presiden, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib, berkata cadangan seperti itu tidak seharusnya dibincangkan secara terbuka menerusi media massa, kerana ia boleh menimbulkan perasaan negatif di kalangan ahli.

Beliau berkata, cadangan kontroversi itu seharusnya dibawa ke mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno untuk pertimbangan anggotanya.

"Setakat ini, cadangan (Rafidah) itu hanya bersifat peribadi... dan ia lebih elok dibawa ke peringkat MT, bukan dibincangkan

secara terbuka," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Semalam, Rafidah yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, berkata beliau akan mencadangkan kepada MT supaya jawatan Naib Presiden parti dihapuskan untuk mengurangkan 'kekacauan yang boleh melemahkan parti'.

Katanya, cadangan itu berasaskan kepada pandangan umum bahawa perlumbaan merebut tiga jawatan Naib Presiden itu hanya menggalakkan amalan politik wang, kerana

pengisi jawatan itu kemudiannya boleh menggunakan jawatan berkenaan sebagai asas menjadi Timbalan Presiden.

Sebaliknya, beliau mencadangkan Presiden parti memilih Timbalannya sendiri daripada barisan MT.

Muhammad yang mempertahankan jawatan kanan Umno itu pada pemilihan parti baru-baru ini, berkata jika politik wang menjadi alasan, maka semua jawatan parti perlu dihayuskan.

"Politik wang berlaku pada semua peringkat," katanya.

## pandangan peribadi Rafidah

Seorang lagi Naib Presiden, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata keputusan memansuhkan jawatan seharusnya dibincangkan secara terbuka dengan semua ahli Umno lain, khususnya MT, sebelum sebarang kenyataan dibuat.

"Saya tidak tahu mengenai isu itu baru dikemukakan sekarang dan ia memeranjatkan. Saya tidak nampak wujudnya huru-hara seperti yang dikatakan Rafidah... tapi biasalah dalam pertandingan ada hangat sedikit seperti pertandingan kerusi Ketua Wanita Umno, hangat juga.

"Bagaimanapun, itu adalah haknya. Yang penting kita patut melihat reaksi daripada ahli lain. Soalnya, itu bukan hak kita untuk tentukan, sebaliknya ahli boleh mengemukakan pandangan mereka, jika majoriti kata tidak perlu dan nak hapus hapuslah!.

"Bagi kita tentu ada rasional mengapa perkara itu diperuntukan di dalam Perlembagaan. Sebenarnya ada peranan yang tersendiri seperti yang tertakluk di dalam Perlembagaan, iaitu Naib Presiden membantu Presiden. Setakat ini, tidak menjadi masalah

dan saya juga tidak nampak ada masalah," katanya.

Beliau mempersoalkan mengapa Rafidah mengaitkan pertandingan jawatan itu dengan politik wang, sedangkan apa yang ditegaskan Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak ada kaitan dengan jawatan itu.

Sementara itu, Muhyiddin berkata, kerajaan akan menubuhkan Jawatankuasa Penyemakan Perlembagaan bagi mengurangkan masalah dalaman parti.

Katanya, penubuhan ja-

watankuasa itu yang baru diluluskan dalam mesyuarat Majlis tertinggi (MT), baru-baru ini, dibuat untuk membolehkan pihaknya memperkemaskini organisasi dan struktur parti dengan mengambil kira pelbagai perspektif.

"Ini kerana ada banyak pandangan daripada ahli Umno supaya melihat semula beberapa fasal di dalam Perlembagaan itu," katanya.

"Saya akan menyenarai-kan keanggotaan jawatankuasa itu tidak lama lagi serta akan mengariskan peraturan," katanya.